

Warta suku tahun yang menghubungkan penulis Bahasa dengan pekerja di pelayan Kristian di Malaysia

“Siapa yang akan Kuutus, dan siapa yang mau pergi untuk Aku?” (Yesaya 6:8b)

Wawasan Penabur sempat menganjurkan retreat penulisan sehari pada 17hb November 2010 untuk sekumpulan kecil penulis BM. Mereka akan menulis buku tentang nabi-nabi dari Perjanjian Lama dan mesejnya untuk gereja BM pada masa kini.

Dan pada Natal 2010, suratkhbar tempatan memuatkan berita berikut yang patut kita beri perhatian. Berikut petikan dari Berita Harian:

TAWAU 25 Dis. – Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) akan menguatkuasakan undang-undang murtad di Sabah mulai tahun depan sebaik sahaja pusat pemuliharaan akidahnya di Kinarut siap pertengahan 2011. Pengarah JHEAINS, Datuk Amri A. Suratman berkata, pelaksanaan undang-undang ini merupakan sebahagian daripada Pelan Strategik untuk lima tahun akan datang....


Tentang usaha dakwah, dia berkata Jheains akan menumpukan fokusnya di kawasan-kawasan luar bandar dan strategik, terutama sekali di kawasan yang banyak saudara baru, terutama tentang doa-doa. “Usaha ini akan dijalankan secara berterusan untuk memastikan saudara baru tidak diabaikan,” katanya. - Bernama

Kita mungkin tidak menyedari implikasi undang2 murtad ini. Ada ramai umat gereja yang didaftarkan sebagai Muslim kerana ibubapa mereka yang masuk Islam. Bahkan banyak orang Kristian tidak sedar agama mereka diubah menjadi Islam dalam Mykad.

Kawasan luar Bandar di Sabah adalah kawasan Dusun, Murut dan Orang Sungai. Secara tradisi, ini adalah kawasan Kristian, dengan kira-kira 620,000 orang Kadazandusun, 150,000 Murut & 70,000 Orang Sungai.

Dari laman web Jheains, fokus dakwah mereka ialah di daerah Tongod, Kinabatangan dan Beluran di Bahagian

Sandakan; Daerah Pitas, Kudat & Kota Marudu di Bahagian Kudat; Ranau, Kota Belud & Tuaran di Pantai Barat; dan seluruh Bahagian Pedalaman terutamanya di Tambunan, Keningau, Sipitang, Tenom dan Nabawan.



Adakah kita hanya mampu berpeluk tubuh dengan pencerobohan agresif ini? Apa yang gereja di Semenanjung dapat buat untuk membantu gereja BM di Sabah (dan Sarawak)?

Kita masih kekurangan buku rohani BM dan Alkitab. Kanak2 sekolah didedahkan dengan ajaran agama Islam, dan muda-mudi membesar dengan lebih mengetahui agama lain daripada agamanya sendiri.

Gereja BM perlu perhatian dan bantuan kita untuk mendidik dan membangun generasi pelapis mereka, supaya gereja yang kuat dapat berdiri menghadapi badai perubahan sekarang.

Inilah panggilan kesedaran untuk kita tahun ini!

Sepatah dua kata.



Shalom,

Semoga tahun baru anda diberkati oleh Tuhan! Kami terus bersyukur kepadaNya untuk lebih banyak buku yang telah diterbitkan & diedar dalam suku terakhir 2010. Siri OBOR juga sudah mula digunakan oleh beberapa gereja dalam program pemuridan gereja mereka.

Dan bila kita memasuki tahun baru, kita dihadapkan dengan cabaran yang lebih besar apabila usaha pendakwaan Islam dipergiatkan di Sabah dan Sarawak. Mungkin Tuhan sedang memberitahu kita pelayan misi lokal harus dipergiatkan tahun ini!

Wawasan Penabur akan lancarkan 2 projek/kempen pada tahun ini: “**Satu Keluarga, Satu Buku Cerita Alkitab**” di bulan March untuk musim Paskah; dan “**Satu Anak, Satu Alkitab**” di November untuk Natal.

Anda dan gereja anda pasti boleh memainkan peranan dalam projek/kempen ini. Semoga edisi kali ini akan menantang anda!

Berita Rakan Penabur ialah penerbitan elektronik Wawasan Penabur yang mengandungi berita dan maklumat tentang pelayan kami serta bahan sumber Kristian dalam BM yang baru.

Untuk maklumat dan maklum-balas, hubungi:
Wawasan Penabur
P.O.Box: 8327, Pejabat Pos Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, SELANGOR
Fax: 03-7727 7271
Email: wawasan.penabur@gmail.com
Website: www.wawasanpenabur.org

Akaun Bank kami :


- (1) Public Bank, Cawangan Kelana Jaya, Account No: 3127674507
- (2) CIMB Bank, cawangan Damansara Utama, Account No: 1250 000 7114 058

Bahan Sumber

Buku-buku Baru Dari Wawasan Penabur



Puji Tuhan dalam suku keempat tahun 2010, kami telah menerbitkan 5 buah buku lagi: OBOR Belia Buku 15, 16, 17, 18 & 19.



Buku "101 Cerita-Cerita dari Alkitab" ini ialah sebahagian daripada Kempen "Satu Keluarga, Satu Buku Cerita Alkitab" kami. Buku 216 halaman yang berkulit tebal & penuh warna ini ialah sebuah buku keluarga yang diharapkan akan menguatkan iman anda dan keluarga anda.

Projek & Kempen

"101 Cerita2 Dari Alkitab"

Akhirnya, "101 Cerita-Cerita dari Alkitab" telah diterbitkan dan sedia untuk diedar. Kami telah mencetak 10,000 naskah dan akan mencetak 40,000 naskah lagi pada tahun ini. Kempen "Satu Keluarga, Satu Buku Cerita Alkitab" akan dilancarkan pada bulan March ini untuk Paskah 2011.

Buku ini adalah terjemahan "101 Favorite Stories from the Bible", sebuah buku yang telah diterjemah ke pelbagai bahasa, dan telah memberkati jutaan kanak-kanak dan keluarga di dunia. Buku ini adalah buku renungan keluarga. Bahkan anak-anak kecil yang belum boleh membaca juga akan tertarik dengan melihat gambar berwarna-warninya. Semoga ini akan menumbuhkan iman kanak-kanak Kristian di Malaysia.

"Kitab Suci Kanak-Kanak"

Bukan sahaja kita kekurangan Alkitab untuk orang dewasa, tetapi juga belum ada Alkitab versi kanak-kanak untuk generasi pelapis gereja di Malaysia!

Untuk menjayakan kempen "Satu Anak, Satu Alkitab" di bulan November ini, Wawasan Penabur sedang mempersiapkan **Kitab Suci Kanak-Kanak**. Kami merancang untuk mencetak dan mengedar puluhan ribu naskah sebelum akhir Oktober 2011.

Sebagai satu pelayan, Wawasan Penabur memerlukan pendanaan dan sokongan doa supaya bahan-bahan bacaan tersebut boleh disediakan dengan harga yang murah. Anda boleh menjadi rakan sepelayanan kami dalam mendoakan gereja-gereja bumiputera dan/atau mensponsori beberapa penerbitan dan Alkitab Kanak-kanak.

WP dalam Berita NECF

Artikel tentang Wawasan Penabur juga telah dimasukkan dalam Berita NECF (Edisi Nov/Dec).

WAWASAN PENABUR **Sowing Into Our Nation**

While English will remain as the lingua franca of the globalized culture, more and more of the younger generations who are educated in our national language will find difficulty in understanding our present curriculum of Christian education materials. Nearly two-thirds of all the Christians in Malaysia are Bahasa Malaysia (BM) speaking but less than 1% of Christian resources are in BM.

Seeing this great need, some concerned Christian leaders from across the major denominations formed Wawasan Penabur (Sower's Vision) last year to develop and distribute the best BM resources to leaders, churches and individuals.

To date, they have published 20 youth discipleship materials called "OBOR Belia" (Youth Flame). In the last one year, thousands of copies of OBOR Belia have reached our indigenous brethren in Sabah and Sarawak and also the Orang Asli churches in Peninsular.

Other than OBOR Belia, they have published "Lakukan Apa Yang Benar" (Do What is Right), a practical guide on legal matters for churches in Malaysia; and an apologetic book specifically to help our young people defend their faith.

They have also conducted a few awareness campaigns. The "Bahasa Malaysia Resources Awareness" was for Christian leaders, writers and publishers while the "Last Malaysia Awareness: Semangat, Dialogue & Cultural Performances" was for church leaders. A cultural dance night cum awareness campaign drew attention to the many tribes that are currently going through some challenges in "systematic encroachment" in Sabah and Sarawak. About 13 local writers and leaders participated in a week long "Writing Workshop" which focused on training aspiring Bahasa writers. Other projects in the pipeline include a book on tracing God's plans and promises for the Malaysian churches as seen through some major Old Testament characters.

Indeed, the BM speaking and indigenous churches need our urgent attention to help nurture and build their next generation of BM speaking believers to be strong and steadfast in the face of beguiling winds of change. Literature and training centers of the other faiths are making their inroads quickly into our villages. Christians who are not deeply rooted in biblical truths are easily swayed by other religious teachers.

Wawasan Penabur, being a ministry, requires funding and prayer support so that the materials can be retailed at affordable prices of RM 3-6 a copy. You can partner with their efforts in praying for the indigenous churches and/or sponsoring some publication of books. More information can be obtained from their website at www.wawasanpenabur.org or contact them at wawasan.penabur@gmail.com.

6 Berita NECF November-December 2010

Pengumuman Khas:

◆ Projek & Kempen "Satu Keluarga, Satu Buku Cerita Alkitab"

Nantikan pelancarannya dan layari laman web kami untuk mengikuti perkembangannya.

◆ Kami Memerlukan Ruang Pejabat/Gudang

Dengan lebih dari 25 tajuk dan ribuan Alkitab Kanak-kanak, kami kini menghadapi masalah ruang! Jika anda mempunyai rumah, apartment atau ruang pejabat kosong yang mahu digunakan untuk pelayan, sila hubungi kami!